

10/02/1998

Kelantan tidak bermusuh dengan Pusat

GUA MUSANG, Isnin - Kerajaan Kelantan tidak lagi mengambil sikap bermusuhan dengan pemimpin Kerajaan Pusat, sebaliknya meneruskan usaha untuk merapatkan hubungan erat bagi faedah pemimpin serta rakyat Kelantan amnya.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata usaha ke arah itu sudah menampakkan kejayaan apabila pemimpin negeri kini boleh duduk semeja dengan pemimpin Kerajaan Pusat dalam beberapa majlis rasmi.

Menurutnya, keadaan itu membuktikan pemimpin Pas Kelantan banyak melakukan perubahan dan hubungan dua hala tanpa dipengaruhi sentimen politik.

"Saya sendiri sudah beberapa kali membuat pertemuan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan berbincang mengenai banyak perkara berhubung pembangunan di Kelantan."

"Begitu juga pemimpin lain dalam parti tidak banyak masalah mengenai hubungan dengan pemimpin Kerajaan Pusat kerana mereka sama-sama faham hakikat sedemikian," katanya pada majlis penerimaan borang keahlian Pas, di Kampung Kundur, dekat sini semalam.

Nik Abdul Aziz yang juga Mursyidul Am Pas berkata, sejak Pas mengambil alih Kelantan pada 1990, sudah banyak perubahan dilakukan untuk kesejahteraan rakyat mengikut dasar pemerintahan Islam.

Beliau berkata, semuanya itu disambut baik oleh rakyat berbilang kaum di negeri ini kerana mereka menganggap perubahan itu adalah adil dan sesuai dengan dasar Islam yang tidak membebankan kaum lain.

Menurutnya, sejak itu juga pemimpin Umno tidak lagi membuat tuduhan melampau terhadap pemimpin Pas kerana mereka juga faham dengan perubahan itu yang dilakukan selaras kehendak ajaran Islam.

"Melihat kepada keadaan itu, kita dengan Umno usah main kasar dan main cara lembut untuk mewujudkan kerjasama erat sepanjang masa," katanya.

Beliau berkata, dalam hubungan itu pemimpin Umno Kelantan tidak seharusnya bekerja kuat untuk merampas semula pemerintahan daripada Pas yang terbukti sudah menjalankan pemerintahan adil dan tidak banyak kelemahan.

(END)